



## 104<sup>3</sup> KADEAH HAFAZAN MODEN AL-BAGHDADI: KAJIAN KEBERKESANAN

Mohd Ikram bin Mohd Nawi

Mohd Asri bin Ishak

Abi Syafiq al-Hakiem bin Abd Jabar

Muhammad Hanif bin Ibrahim

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

### Abstrak

*Kaedah hafazan al-Quran pertama kalinya diperkenalkan melalui penurunan wahyu itu sendiri. Ianya telah diajarkan secara langsung oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Malah kaedah ini turut digazetkan di dalam al-Quran yang mana Allah s.w.t. melalui perantaraan Jibril a.s. mengajarkan Nabi Muhammad s.a.w. kaedah dalam menerima ayat al-Quran. Penurunan wahyu al-Quran secara berperingkat sebenarnya turut memainkan peranan dalam pemantapan hafazan Nabi s.a.w. Kaedah utama yang telah diajarkan kepada Nabi s.a.w. adalah kaedah bacaan yang berhemah dan tidak gopoh. Bersesuaian mengikut peredaran zaman, munculnya pelbagai bentuk penerapan yang digariskan dalam menghafal al-Quran. Al-Baghdadi Learning Centre (ALC) merupakan salah sebuah syarikat yang menyediakan platform pengajian al-Quran yang terkenal di Malaysia. ALC telah memperkenalkan satu kaedah hafazan moden yang dinamakan sebagai kaedah hafazan neurofisiologi. Artikel ini bertujuan mengkaji sejauh mana keberkesanannya pengamalan kaedah yang digariskan dalam membentuk hafazan yang mantap. Kajian ini dilakukan melalui kaedah pengumpulan data tentang konsep hafazan yang digariskan seterusnya maklumat dianalisis melalui kajian soal selidik yang melibatkan pelajar-pelajar yang telah diterapkan dengan kaedah ini. Hasil kajian menunjukkan pendekatan kaedah yang diterapkan adalah efektif dan membantu para pelajar dalam proses memantapkan hafazan. Kaedah ini juga dilihat bersesuaian sebagaimana kaedah yang diajarkan kepada Nabi s.a.w. dan diterapkan dengan kaedah semasa.*

**Kata kunci:** kaedah hafazan, al- Baghadi, neurofisiologi, hafazan moden



## Pengenalan

Kaedah hafazan al-Quran pertama kalinya diperkenalkan melalui penurunan wahyu itu sendiri. Ianya telah diajarkan secara langsung oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Malah kaedah ini turut digazetkan di dalam al-Quran yang mana Allah s.w.t. melalui perantaraan Jibril a.s. mengajarkan Nabi Muhammad s.a.w. kaedah dalam menerima ayat al-Quran. Penurunan wahyu al-Quran secara berperingkat sebenarnya turut memainkan peranan dalam pemantapan hafazan Nabi s.a.w. Kaedah utama yang telah diajarkan kepada Nabi s.a.w. adalah kaedah bacaan yang berhemah dan tidak gopoh. Ianya sebagaimana yang dirakamkan di dalam al-Quran melalui firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلْ بِهِ ۝ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ وَ ۝ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ وَ ۝ ثُمَّ ۝ ۱۶

إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ وَ ۝ ۱۷

Maksudnya:

Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). 16. Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). 17. Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu. 18. Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan).<sup>19</sup><sup>1</sup>.

Para ulama telah bersepakat mengatakan hukum menghafal al-Quran adalah fardu kifayah bagi menjaga kepentingan, keaslian dan kesucian al-Quran. Imam Badr al-Din Muhammad bin ‘Abdillah al-Zarkashi di dalam karyanya *al-Burhan fi ‘Ulum al-Quran* menyatakan

<sup>1</sup>Abdullah Basmeih, Terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman. *Al-Qiyamah*: 16-19.



*“Mempelajari al-Qur'an hukumnya adalah fardu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya) maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat<sup>2</sup>. ”*

Bersesuaian mengikut peredaran zaman, munculnya pelbagai bentuk penerapan yang digariskan dalam menghafal al-Quran. Buktinya sebagaimana di Malaysia sendiri, wujudnya institusi-institusi tahliz al-Quran di seluruh negara dengan pendekatan kaerah yang pelbagai. Antaranya sebagaimana yang diketahui umum institusi tahliz JAKIM<sup>3</sup>, hafazan al-Quran sistem Turki<sup>4</sup>, kaerah Jibril<sup>5</sup> dan banyak lagi yang mana pelbagai kaerah yang diterapkan mengikut kaerah traditional dan moden<sup>6</sup>. Kajian pada kali ini ingin melihat sejauh mana keberkesanan kaerah hafazan al-Quran yang diperkenalkan oleh ALC<sup>7</sup>.

## Pernyataan Masalah

Kaerah hafazan neurofisiologi di ALC merupakan satu kaerah yang boleh dikatakan masih baharu dan masih belum ada kajian ilmiah yang dilakukan secara menyeluruh dan terperinci terhadap kaerah ini. Kajian ini dijalankan bagi menilai dengan lebih terperinci sistem pembelajaran dan kaerah hafazan neurofisiologi adakah ianya satu kaerah yang berkesan dan efektif dalam menjalani proses hafazan al-Quran.

## Persoalan Kajian

Antara persoalan mengenai kajian yang akan dijalankan:

<sup>2</sup> al-Zarkashi, Muhammad bin 'Abdillah, 1981, *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*, juz. 1, Beirut: Dar al-Fikr. hlm. 271.

<sup>3</sup> Abd Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir, 2017, *Amalan Hafazan Al-Quran di Darul Quran JAKIM*. Jurnal Perspektif: Special Issue 1.

<sup>4</sup> Norhanan Binti Abdul Rahman, 2009, *Kaedah Hafazan Al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba*. Universiti Teknologi Malaysia.

<sup>5</sup> Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2013, *Hafazan al-Quran*, hlm. 56.

<sup>6</sup> Wan Mohamad bin Abd. Aziz, 1997, *Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, Jurnal Darul Quran, bil. Ketiga.

<sup>7</sup> Singkatan daripada Al-Baghdadi Learning Centre.



1. Adakah kaedah hafazan neurofisiologi merupakan kaedah yang berkesan untuk menghafaz al-Quran?
2. Bagaimanakah tahap kemantapan hafazan para pelajar al-Baghdadi setelah menggunakan kaedah hafazan neurofisiologi?

## Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti pengamalan kaedah hafazan neurofisiologi yang diaplikasi dalam menghafaz al-Quran.
2. Mengenalpasti tahap kemantapan hafazan para pelajar setelah menghafazan al-Quran mengikut kaedah hafazan neurofisiologi.

## Teknik al-Baghdadi

Dikenali sebagai teknik al-Baghdadi, merupakan idea yang dicetuskan oleh Ustaz Jalaluddin al-Baghdadi<sup>8</sup>. Teknik al-Baghdadi tercetus dari pengalaman Ustaz Jalaluddin al-Baghdadi ketika mengendalikan kursus kaedah al-Barqy yang diasaskan oleh Allahyarham Ustaz Muhadjir Sulthon di dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Beliau yang telah melibatkan diri lebih 10 tahun dalam pendidikan al-Quran mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi dalam proses pembelajaran dan pengajaran al-Quran. Ianya merupakan satu teknik pengajian al-Quran yang disusun bagi membantu masyarakat Islam untuk menguasai pembacaan al-Quran dengan pendekatan yang menarik, mudah, bersistematis dan serta dapat dikuasai dalam tempoh yang singkat.

Keberkesanan teknik ini telah terbukti dengan beberapa testimoni pelajar yang telah mengikuti program khas yang dianjurkan oleh pihak al-Baghdadi Method Sdn.Bhd. Mula diperkenalkan pada tahun 2009 dibawah naungan syarikat al-Baghdadi Group Sdn. Bhd., kini sistem pengajian

<sup>8</sup> Nama beliau ialah Jalaluddin bin Haji Hassanuddin dilahirkan pada 15 Januari 1970, Kampung Berhala Gantang , Temerloh, Pahang, Malaysia. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda di dalam bidang Bahasa Arab & Pengajian al-Quran di Saddam University for Islamic Studies, Baghdad, Iraq pada tahun 1998.



al-Baghdadi telah berkembang pesat malah dianggarkan al-Baghdadi Group Sdn. Bhd. telah memiliki lebih kurang 919 rangkaian pusat pengajian di seluruh Malaysia dan Singapura.<sup>9</sup>

Al-Baghdadi Group Sdn. Bhd. telah menjadi sebuah syarikat induk yang menyelia serta menyediakan pakej-pakej keusahawanan yang dilengkapi dengan modul pendidikan al-Quran yang komprehensif dan berkualiti. Misi utamanya adalah bagi memberi peluang kepada masyarakat bersama-sama memperjuangkan pendidikan al-Quran dengan membuka Pusat Pengajian al-Quran Teknik al-Baghdadi.<sup>10</sup>

### Rangkaian Pusat-Pusat Pembelajaran al-Quran<sup>11</sup>

Rangkaian pusat-pusat pembelajaran al-Quran yang telah ditubuhkan oleh al-Baghdadi Sdn. Bhd. adalah terdiri daripada pusat-pusat yang mengkhususkan kepada pendidikan sesuai dengan namanya iaitu seperti berikut:

1. al-Baghdadi Learning Centre (ALC): Pusat pembelajaran al-Quran Teknik Al-Baghdadi untuk semua peringkat umur.
2. al-Baghdadi Playtime Centre (APC): Pusat pendidikan Pra-Sekolah berasaskan pendidikan al-Quran untuk kanak-kanak seawal usia 4 tahun.
3. al-Baghdadi Prenatal Education Program Centre (APeP): Pusat Tiusyen Ibu Hamil al-Baghdadi atau dikenali sebagai al-Baghdadi Prenatal Education Program. Merupakan program stimulasi janin dalam kandungan dengan bunyi-bunyi asas al-Quran.
4. Nadi al-Baghdadi Centre (NAC): Pusat Hafazan al-Quran yang menyediakan program hafazan al-Quran menggunakan pendekatan berasaskan Neurofisiologi dengan memaksimumkan fungsi otak.
5. al-Baghdadi Childcare Centre (ACC): Pusat penjagaan bayi berteraskan pendidikan al-Quran.
6. SRI al-Baghdadi: Sekolah Rendah Islam al-Baghdadi yang menerapkan pendidikan al-Quran di samping kokurikulum pendidikan nasional.

<sup>9</sup> <http://mybaghdadi.blogspot.my/2016/05/sejarah-teknik-al-baghdadi.html> 20 Februari.

<sup>10</sup> <http://mybaghdadi.blogspot.my/2016/05/sejarah-teknik-al-baghdadi.html> 20 Februari.

<sup>11</sup> <http://mybaghdadi.blogspot.my/2016/05/sejarah-teknik-al-baghdadi.html> 20 Februari.



## Kaedah Hafazan Neurofisiologi<sup>12</sup>

Neurofisiologi adalah bidang ilmu fisiologi yang berkaitan dengan fungsi sistem saraf. Ilmu ini juga berkaitan rapat dengan neurobiologi, psikologi, neurologi, neurofisiologi klinik, elektrofisiologi, etologi, aktiviti saraf tinggi, neuroanatomii, ilmu kognitif dan ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan otak.

1. Berdasarkan kajian saintifik, fungsi otak manusia adalah terbahagi kepada dua iaitu otak kiri dan otak kanan.
2. Fungsi otak kiri: matematik, bahasa, membaca, menulis, logik, urutan, sistematik, analisis fungsi otak kanan: kreativiti, konseptual, inovasi, gagasan, gambar, warna, muzik, irama, melodi, bermimpi.

Keupayaan otak kiri dan otak kanan bekerja memproses maklumat adalah perkara yang sangat hebat dan ianya saling berkaitan antara satu sama lain. Penelitian yang telah dilakukan oleh para penyelidik mendapati bahawa kedua-dua otak kita sentiasa berfungsi hampir setiap aktiviti dan waktu. Sebagai contoh proses yang dilakukan oleh otak kanan dan kiri, ketika mendengar percakapan seseorang:

1. Otak kiri kita akan aktif (menterjemah pengertian bahasa) memproses berdasarkan pengetahuan kita yang diperolehi selama ini. Bahagian otak kiri akan memproses kata-kata, definisi dan bahasa.
2. Pada ketika yang sama, penelitian dari Neurosains telah membuktikan bahawa otak kanan juga turut aktif memproses modulasi nada, tempo dan volume dari komunikasi tersebut. Proses yang dilakukan oleh otak kanan adalah sebenarnya lebih penting dari perkataan yang dikeluarkan. Ianya melibatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang unsur lain di sebalik perkataan yang disebutkan samada mengandungi perasaan marah, gembira, sedih, tegas, lembut dan sebagainya.

Namun begitu, setiap individu mempunyai kecenderungan untuk menggunakan fungsi bahagian otak kiri dan kanan dengan kadar yang berbeza. Sesetengah individu akan cenderung menggunakan otak kiri melebihi otak kanan dan sebaliknya. Perbezaan dari kecenderungan

---

<sup>12</sup> <http://mybaghdadi.blogspot.my/p/modul-nadi-al-baghdadi.html> 20 Februari.



menggunakan fungsi otak kiri dan kanan ini akan memberikan hasil yang berbeza kepada individu-individu terlibat. Individu-individu yang cenderung memproses data menggunakan otak kiri adalah berkaitan logik dan lain-lain, sementara otak kanan adalah berkaitan dengan kreativiti dan lain-lain mengikut carta di atas.

Maha Suci Allah yang telah menciptakan kejadian fungsi otak ini dengan sempurna dan kita hanya perlu menjaga dan menggunakan sebaik mungkin. Penggunaan otak secara optimum adalah dengan melibatkan kedua-dua fungsi otak kanan dan kiri secara aktif dalam sebarang aktiviti yang ingin kita lakukan. Menggunakan dua otak adalah lebih baik daripada menggunakan satu otak sahaja.

Dalam konteks hafazan al-Quran teknik Nadi al-Baghdadi, penggunaan kedua-dua otak akan diaktifkan secara serentak dan berkesan mengikut langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang pembelajaran. Antara langkah-langkah yang dipraktikkan dalam teknik hafazan Nadi al-Baghdadi ini ialah:

1. Ustaz membaca tiga kali sementara para pelajar mendengar sambil melihat bahan (pelajar fokus kepada bahan khas).
2. Ustaz mengulang tiga kali dan para pelajar mengikut ayat yang dibacakan (pelajar lihat dan rujuk bahan khas).
3. Pelajar-pelajar diarahkan mengulang bacaan secara berkumpulan (pelajar sambil merujuk kepada bahan khas) - proses membaca, mendengar dan melihat bahan dilakukan secara berulang kali yang melibatkan penglibatan otak kiri dan kanan secara aktif dan optimum.

Proses ini akan diteruskan dengan melakukan beberapa langkah seterusnya di bawah bimbingan ustaz sehingga pelajar-pelajar mampu untuk membaca ayat mengikut urutan, membaca ayat secara berundur, membaca ayat ganjil, undur bacaan ayat ganjil, membaca ayat genap, undur bacaan genap, membaca ayat tebuk dan sebagainya. Antara perlaksanaan unik dan menarik yang cuba diterapkan dalam menjayakan pembelajaran teknik al-Baghdadi adalah aktiviti yang dilakukan secara berkumpulan. Kaedah yang diterapkan adalah menjadikan ahli kumpulan saling



bekerjasama menjaga hafazan sesama ahli dan selalunya akan dinilai melalui pertandingan di antara kumpulan-kumpulan.

### **Modul Nadi al-Baghdadi<sup>13</sup>**

Modul Nadi al-Baghdadi dirangka dan disusun kepada 10 modul yang mana setiap modul terdiri daripada 3 juzuk al-Quran. Sebagai contoh, modul 10 merangkumi juzuk al-Quran ke 28, 29 dan 30. Setiap modul yang disusun adalah merangkumi lima asas kemahiran berikut:

1. Keupayaan membaca dan menghafaz ayat al-Quran.
2. Kemampuan menghafaz al-Quran secara berturutan dan tidak berturutan.
3. Kemahiran membentuk perkaitan nadi dalam ayat al-Quran yang dihafaz.
4. Keupayaan memahami dan menghayati ciri-ciri penting surah-surah dan ayat-ayat al-Quran yang dihafaz.
5. Kemahiran mengingat turutan surah dalam al-Quran.

Modul Nadi al-Baghdadi turut menerapkan pelbagai pendekatan teknik pengajaran, teknik pembelajaran dan teknik hafazan bagi memberi kesan yang terbaik kepada guru dan pelajar yang terlibat dalam menjayakan modul program tersebut. Setiap kandungan modul akan diperincikan mengikut empat perkara berikut:

1. Ciri-ciri am surah seperti maksud nama surah, kategori surah (Makkiyah atau Madaniyyah), turutan surah dan bilangan ayat.
2. Ayat-ayat nadi yang terdapat di dalam surah serta ayat tersebut.
3. Sebab turun ayat atau surah (asbab nuzul).
4. Terjemahan ayat bagi setiap muka surat.

Antara kelainan perlaksanaan kaedah ini ialah ianya menggunakan bahan bantuan belajar berwarna, bergambar dan peta minda untuk menarik perhatian terutamanya di kalangan kanak-kanak untuk lebih teruja menghafaz al-Quran. Selain itu, modul dan cara pembelajaran Nadi al-Baghdadi disusun supaya perlaksanaannya lebih santai agar ianya dapat membantu otak lebih fokus kepada ayat yang ingin dihafal kerana ia dilakukan secara natural. Ini kerana otak kanan

---

<sup>13</sup><http://mybaghdadi.blogspot.my/p/modul-nadi-al-baghdadi.html> 20 Februari.



dan otak kiri akan digerakan serentak ketika hafazan al-Quran. Aktiviti hafazan modul Nadi al-Baghdadi yang kerap menggunakan otak kiri dan otak kanan menjadikan otak kita sentiasa berinteraksi dan ia sekaligus akan mencerdaskan minda dan ingatan akan menjadi lebih kuat kerana kapasiti kedua-dua otak dioptimumkan. Justeru, apabila digunakan kedua-dua otak, akan terhasil hafazan adalah luar biasa.

### Kajian Keberkesanan

Berdasarkan maklumat yang terkumpul berkaitan kaedah hafazan al-Baghdadi ini, ianya dilihat sebagai satu inovasi yang baharu dalam dunia hafazan al-Quran dengan kelainan cara. Oleh yang demikian ianya menjadi satu tarikan untuk dilakukan kajian yang mendalam tentang keberkesanan kaedah ini untuk melihat sejuah mana kaedah hafazan neurofisiologi dapat membantu pelajar dalam memantapkan hafazan al-Quran. Kajian yang dilakukan difokuskan kepada pelajar ALC Seksyen 7 Bandar Baru Bangi. Kajian dilakukan mengikut kaedah pengumpulan data melalui instrumen soal selidik untuk meninjau amalan pembelajaran dan pengajaran serta aktiviti-aktiviti yang melibatkan program hafazan ALC. Kajian juga dilakukan berdasarkan pemerhatian secara langsung ketika aktiviti program dijalankan untuk melihat suasana program berjalan.

Responden seramai 18 orang yang mewakili ALC, 7 orang lelaki dan 11 orang perempuan. Masing-masing dari kalangan umur yang berbeza iaitu sekitar 20 hingga 70 tahun. Majoritinya adalah dari kalangan berusia dan minoriti dari kalangan pelajar universiti tempatan. Borang soal selidik yang diedarkan terbahagi kepada 3 bahagian, pertama, bahagian A berkaitan latar belakang responden. Kedua bahagian B dan C berkaitan pengamalan, pengetahuan dan kefahaman responden dan ketiga bahagian C berkaitan pandangan respon terhadap program al-Baghdadi. Jenis soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji merupakan soalan-soalan aneka pilihan dan skala likert yang akan memberikan gambaran kepada kaedah pengamalan, pengetahuan dan kefahaman kaedah hafazan neurofisiologi. Skala likert lima mata dengan kaedah skornya ialah



Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Pasti (KP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

	Jenis	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	- Lelaki	7	38.9
	- Perempuan	11	61.1
Faktor pemilihan kaedah hafazan neurofisiologi	- Kehendak sendiri	17	94.4
	- Faktor-faktor lain	1	5.6
Tempoh meyertai program	- 1 tahun	18	100

### Latar Belakang Responden

Latar belakang responden terdiri daripada jantina, faktor pemilihan program dan tempoh menyertai program. Dapatan kajian ini dapat dilihat pada jadual 1.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Sumber: Soal Selidik Bahagian A, 2018

Dari aspek jantina responden lelaki seramai 7 orang mewakili 38.9% manakala perempuan searamai 11 orang dengan peratusan 61.1%. Dari aspek pemilihan penyertaan program pula dapatan kajian menunjukkan faktor kehendak sendiri lebih tinggi dengan peratusan sebanyak 94.4%. Manakala aspek tempoh penyertaan program 100% responden telah mengikuti program selama 1 tahun.

### Pengamalan, Pengetahuan dan Kefahaman Responden

Item	STS	TS	TP	S	SS



	(%)	(%)	(%)	(%)
Suasana persekitaran yang sesuai untuk pelajar		7 (38.9%)	11 (61.1%)	
Kehendak sendiri merupakan faktor yang penting dalam menghafal al-Quran		3 (16.7%)	15 (83.3%)	
Peraturan yang membantu pelajar memberikan tumpuan dalam menghafal		9 (50%)	9 (50%)	
Pelajar mampu menghafal mengikut masa yang ditetapkan	3 (16.7%)	9 (50%)	6 (33.3%)	12 (66.7%)
Sokongan dari semua pihak membantu pelajar menghafal	1 (5.6%)	5 (27.8%)		
Mengekalkan hafazan adalah suatu usaha yang sukar	1 (5.6%)	12 (66.7%)	5 (27.8%)	
Saling membantu antara pelajar dalam menjaga hafazan	1 (5.6%)	6 (33.3%)	11 (61.1%)	
Guru sangat memainkan peranan dalam menjaga hafazan pelajar	1 (5.6%)	7 (38.9%)	10 (55.6%)	
Pelajar perlu menjaga adab-adab sebelum dan selepas menghafal		5 (27.8%)	13 (72.2%)	
Istiqamah dan disiplin penting dalam menghafal dan mengulangi hafazan		1 (5.6%)	17 (94.4%)	
Sepanjang program hanya dikhurasukan satu mashaf modul sahaja	1 (5.6%)	2 (11.1%)	10 (55.6%)	5 (27.8%)
Pelajar memahami maksud ayat terlebih dahulu sebelum menghafal	2 (11.1%)	2 (11.1%)	7 (38.9%)	7 (38.9%)
Talaqqi dan musyfahah dengan guru mengikut modul dalam aktiviti menghafal	2 (11.1%)		3 (16.7%)	13 (72.2%)
Pelajar menulis ayat sebelum dan selepas menghafal	2 (11.1%)	5 (27.8%)	6 (33.3%)	5 (27.8%)
Modul hafazan membantu lebih fokus dan			6	12



santai ketika menghafal	(33.3%)	(66.7%)
Modul cetakan berwarna membantu dalam menghafal	5 (27.8%)	13 (72.2%)
Pengulangan ayat secara tidak teratur memantapkan lagi hafazan	4 (22.2%)	14 (77.8%)
Kuiz atau pertandingan membantu memantapkan hafazan	4 (22.2%)	5 (27.8%)
Guru menetapkan kadar hafalan yang perlu dihafal	2 (11.1%)	8 (44.4%)
		8 (44.4%)

Jadual 2: Pengamalan, Pengetahuan dan Kefahaman Responden

Sumber: Soal Selidik Bahagian B & C, 2018

Sebagaimana yang dapat diperhatikan pada jadual yang di atas, secara keseluruhannya aspek pengamalan, pengetahuan dan kefahaman responden terhadap kaedah hafazan neurofisiologi berada pada aras yang baik. Ini menunjukkan responden bersedia dalam menjalani rutin harian sebagai seorang penghafal al-quran dan sekaligus memahami kehendak kaedah yang disusun dalam modul hafalan al-Baghdadi. Dapatkan juga menunjukkan bahawa perlaksanaan modul hafalan al-Baghdadi ini berkesan dan mencapai matlamat sebagaimana yang dirangka.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan bahawa responden dapat memberikan komitmen terhadap program hafazan ini dengan baik. Ini membuktikan kaedah yang diterapkan adalah berkesan dan para responden seronok mengikuti program tersebut. Berdasarkan analisis kefahaman dan pengamalan terhadap program juga menunjukkan respon berada pada skala yang baik dan memuaskan. Ini membuktikan bahawa hala tuju, visi dan misi program adalah jelas dan sekali gus menunjukkan kaedah yang diterapkan dalam program hafazan ini amat baik. Malah dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kaedah hafazan neurofisiologi yang diperkenalkan oleh al-Baghdadi ini adalah satu kaedah yang baik dalam membantu memperkasakan hafazan al-



Quran berdasarkan pemerhatian yang dilakukan ke atas responden terhadap tahap kemantapan hafazan mereka sekaligus membuktikan bahawa kaedah hafazan neurofisiologi al-Baghdadi ini satu kaedah yang sesuai untuk diamalkan dalam menghafal al-Quran. Akhirnya sebagai cadangan, kaedah ini mungkin boleh diketengahkan dan diperkenalkan ke dalam sistem persekolahan aliran tahfiz agar ianya menjadi satu usaha yang lebih besar dalam membantu melahirkan para huffaz yang lebih cemerlang.

## Rujukan

Abdullah Basmeih, *Terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman*.

Abd Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir, 2017, *Amalan Hafazan Al-Quran di Darul Quran JAKIM*. Jurnal Perspektif: Special Issue 1.

Norhanan Binti Abdul Rahman, 2009, *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. Universiti Teknologi Malaysia.

Wan Mohamad bin Abd. Aziz, 1997, *Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, Jurnal Darul Quran, Bil. Ketiga.

Al-Zarkashi, Muhammad bin ‘Abdillah, 1981, *al-Burhan fi ‘Ulum al-Quran*, juz. 1. Beirut: Dar al-Fikr.

Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2013, *Hafazan al-Quran*. Pustaka Cahaya Kasturi.

<http://mybaghdadi.blogspot.my/p/modul-nadi-al-baghdadi.html> 20 Februari.